



International Teaching Aid **Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times



20
23

iTAC 2023
INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION
E-PROCEEDINGS

Copyright © 2023 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors: *Syazliyati Ibrahim, Azni Syafena Andin Salamat, Berlian Nur Morat (Dr.), Najah Mokhtar, Noor Izzati Ahmad Shafai, Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli (Dr.)*

Cover Design : *Asrol Hasan*

Layout : *Nurina Anis Mohd Zamri*

eISBN : 978-967-2948-51-3

Published by : Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Nor Aizan Binti Mohamed, Nur Alia Sabrina Binti Ramli, Rabiatal Adawiyah Binti Radzuan, Nurfardina Shafiqah Binti Adnan, Mohamad Syazwan Bin Mohd Nor

- | | | |
|------|--|------------|
| 145. | GENERAL PUBLIC AWARENESS IN LIFE INSURANCE | 942 |
| | <i>Asyiera Bt Mohd Yuzanai, Nur Faqihah Iwani Bt Zulkurnain, Izz Zafirah Bt Zainurin, Nur Syaida Bt Mohd Shukri, Zunaidah Binti Ab Hasan</i> | |
| 146. | FINANCIAL TABLET TRACKER | 948 |
| | <i>Nur Iman Qaisara Binti Azman, Asyura Binti Mohd Kaharudin, Nurul Amira Binti Azhari, Fatin Noor Umairah Binti Mamat, Nur Hidayah Binti Zaini</i> | |
| 147. | FROM RAGS TO RICHES: MONEYVENTURES | 953 |
| | <i>Nur Athirah Izzati Binti Mohd Adnan, Nuraliah Binti Mohamed Firdaus, Nur Alia Khairani Binti Noraldi, Siti Asya Maszlieza Binti Mohd Shariaf, Farhan Aidel Bin Abdul Razak, Aqilah Nadiah binti Md. Sahiq</i> | |
| 148. | MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR MENGENALPASTI DOKUMEN SUMBER PERNIAGAAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH ‘THE KING’ | 961 |
| | <i>Rosnani Binti Ismail, Azarina Binti Azhari, Hazwani Binti Othman, Rossiana Binti Abd Rahim</i> | |
| 149. | EUROPE ROAD TRIP: THE ADVENTURE | 967 |
| | <i>Nurul Najwa Binti Yusoff, Nurul Najiha Binti Hamdan, Nursyafiqah Binti Mohd Yunus, Nor Athierah Binti Khalid, Shahreena Binti Daud</i> | |
| 150. | VISUAL LEARNING INTERACTIVE INFOGRAPHIC FOR CIVIL PROCEDURE STUDENTS IN LAW SCHOOLS IN MALAYSIA | 972 |
| | <i>Azhani Arshad, Syuhaeda Aeni Mat Ali, Ummi Hani' Maso'od, Che Audah Hassan</i> | |
| 151. | RECEIPTME | 978 |
| | <i>Mohammad Zarif Bin Ismadi, Mohamed Zulhilmi Bin Armail, Nur Amira Syafiqah Binti Muhammad Khalid, Nur Irlia Afrina Binti Mohamad Sabaru, Siti Musliha Binti Mohd Idris</i> | |
| 152. | DIGITAL SAVING MACHINE | 983 |
| | <i>Nuraliah Binti Yahya, Naimah A'milin Binti Abd Razak, Nur Izzatul Akma Binti Mohd Khazairi, Nurul Ain Amiesya Binti Dzulkarnain Goh, Nur Hidayah Binti Zaini</i> | |

PREFACE

iTAC or International Teaching Aid Competition 2023 was a venue for academicians, researchers, industries, junior and young inventors to showcase their innovative ideas not only in the teaching and learning sphere but also in other numerous disciplines of study. This competition was organised by the Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE) UiTM Kedah Branch, Malaysia. Its main aim was to promote the production of innovative ideas among academicians, students and also the public at large.

In accordance with the theme "Reconnoitering Innovative Ideas in Post-normal Times", the development of novel ideas from the perspectives of interdisciplinary innovations is more compelling today, especially in the post-covid 19 times. Post-pandemic initiatives are the most relevant in the current world to adapt to new ways of doing things and all these surely require networking and collaboration. Rising to the occasion, iTAC 2023 has managed to attract more than 267 participations for all categories. The staggering number of submissions has proven the relevance of this competition to the academic world and beyond in urging the culture of innovating ideas.

iTAC 2023 committee would like to thank all creative participants for showcasing their innovative ideas with us. As expected in any competition, there will be those who win and those who lose. Congratulations to all the award recipients (Diamond, Gold, Silver and Bronze) for their winning entries. Those who did not make the cut this year can always improve and join us again later.

It is hoped that iTAC 2023 has been a worthy platform for all participating innovators who have shown ingenious efforts in their products and ideas. This compilation of extended abstracts published as iTAC 2023 E-Proceedings contains insights into what current researchers, both experienced and novice, find important and relevant in the post-normal times.

Best regards,

iTAC 2023 Committee

Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE)

UiTM Kedah Branch

Malaysia

MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR MENGENALPASTI DOKUMEN SUMBER PERNIAGAAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH ‘THE KING’

Rosnani Binti Ismail
Kolej Vokasional Klang, Selangor
rosnaniismail1980@gmail.com

Azarina Binti Azhari
Kolej Vokasional Klang, Selangor
azarinaazhari@gmail.com

Hazwani Binti Othman
Kolej Vokasional Klang, Selangor
hazwani181@gmail.com

Rossiana Binti Abd Rahim
Kolej Vokasional Klang, Selangor
rossiana4106@gmail.com

ABSTRAK

Dokumen sumber perniagaan merupakan dokumen bertulis urus niaga antara peniaga dan pembeli. Dokumen bertulis ini penting dalam perakaunan untuk tujuan rujukan dan perekodan. Namun, pelajar keliru dalam mengenalpasti dan membezakan sama ada dokumen perniagaan ini dokumen jualan atau belian. Proses ini menyebabkan pelajar sukar dan lambat dalam merekod urusniaga ke dalam buku catatan pertama. Selain itu, nota pembelajaran diasingkan mengikut modul jualan dan belian menyebabkan pelajar sukar untuk merujuk dan membezakan dokumen. Produk inovasi yang dibangunkan ini adalah berkonsepkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk memudahkan guru dan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. ‘**The King**’ merupakan inovasi yang difokuskan kepada pelajar perakaunan kolej vokasional tahun 1 bagi kursus Jualan 1 (BAK1023) dan Belian 1 (BAK1033). Kaedah ini dapat menyelesaikan masalah pelajar dalam mengenalpasti dan membezakan dokumen perniagaan dengan cepat dan mudah. ‘**The King**’ ini dibangunkan dengan menggunakan kalender terpakai dan juga kertas A4. Dokumen perniagaan ditampal di atas kalender yang berbentuk flip bagi memudahkan pelajar untuk melihat semua dokumen dalam satu tempat. Pelajar akan menganggap diri mereka sebagai ‘**King**’ selepas mengetahui nama syarikat di dalam soalan dan dapat mengenalpasti dengan cepat dokumen jualan atau belian. Dalam memastikan keberkesanan kaedah ‘**The King**’ ini, satu kajian dijalankan ke atas 10 orang pelajar kelas 1SVM BAK melalui ujian pra dan ujian pasca. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pelajar mahir mengenalpasti dan membezakan dokumen perniagaan dengan mudah dan menjimatkan masa sekaligus dapat merekod dengan betul setiap urusniaga ke dalam buku catatan pertama. Seterusnya diharapkan kajian ini dapat membantu pelajar perakaunan di Malaysia khususnya pelajar sekolah menengah, kolej vokasional dan

universiti dalam merekod dokumen sumber jualan dan belian ke dalam buku catatan pertama dengan tepat.

Keywords: The King, Buku Catatan Pertama, Jualan, Belian

PERNYATAAN MASALAH

Antara masalah yang dikenalpasti ialah pelajar keliru dalam mengenalpasti dan membezakan sama ada dokumen perniagaan adalah dokumen jualan atau belian. Proses ini menyebabkan pelajar sukar dan lambat merekod urusniaga ke dalam buku catatan pertama. Selain itu, nota pembelajaran diasingkan mengikut modul jualan dan belian menyebabkan pelajar sukar untuk merujuk dan membezakan dokumen

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Memudahkan pelajar untuk mengenalpasti dan membezakan sama ada dokumen sumber perniagaan itu dokumen jualan atau dokumen belian.
- b) Memastikan pelajar dapat merekod urusniaga jualan dan belian dengan cepat dan mudah ke dalam buku catatan pertama.
- c) Menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) iaitu kalender terpakai yang diinovasikan bagi memudahkan rujukan pelajar serta menjimatkan masa.

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi mengaplikasikan kaedah “**The King**” adalah pelajar perakaunan tahun 1, semester 1 di Kolej Vokasional Klang, Selangor.

METODOLOGI

BBM ini dibangunkan dengan menggunakan kertas A4 berwarna dan kalender terpakai. Helaian semua dokumen sumber perniagaan ini akan ditampal di dalam kalender berbentuk flip. ‘**The King**’ akan diperkenalkan di mana pelajar akan menganggap diri mereka sebagai ‘King’ selepas mengetahui nama syarikat di dalam soalan. Kedudukan ‘King’ di dalam setiap dokumen akan menentukan dokumen itu adalah dokumen jualan atau belian. Selain itu ujian pra, ujian pasca digunakan untuk melihat refleksi pelajar selepas menggunakan kaedah ini.

KAEDAH PENYEDIAAN PRODUK INOVASI



Rajah 1. Kalendar terpakai sebelum inovasi



Rajah 2. Kalendar selepas diinovasi

- Produk ini dihasilkan dengan menggunakan kalendar terpakai sebagai tapak untuk dijadikan helaian *flip* yang boleh diletakkan di atas meja dan mudah dibawa ke mana-mana. Kalendar ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu urusniaga jualan dan urusniaga belian. 'The King' terdiri daripada enam dokumen urusniaga jualan dan 10 dokumen urusniaga belian.
- Dokumen perniagaan direkabentuk menggunakan perisian Microsoft Excel, kemudian dicetak di atas kertas A4 dan di *laminate* untuk kekemasan. Dokumen sumber terdiri daripada Invois, Bil Tunai, Nota Debit, Nota kredit, Bil Utiliti.

The image shows a Microsoft Word document titled "INVOIS" for "SHOES STORE SDN BHD". The document includes a logo, company address, and contact information. To the right, there is a vertical callout box with the title "Nota" at the top. The box contains several sections: "JENIS DOKUMEN: INVOIS", "URUSNIAGA: JUALAN KREDIT", "PIHAK YANG TERLIBAT : PENGHUTANG", and a small "J" logo. The main document table has columns for BIL, UNIT, BUTIRAN, HARGA SEUNIT (RM), and JUMLAH (RM). The data is as follows:

BIL	UNIT	BUTIRAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	50	WOMEN SANDAL	29.90	1,495.00
2	50	SNEAKERS CASUAL	76.00	3,800.00
JUMLAH				5,295.00

Below the table, there is a note in Malay: "Ringgit Malaysia : Lima Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Lima Sahaja". The callout box also contains the names "ahmad", "iris", and "Penjual".

Rajah 3. Dokumen Invois Jualan

- c) Simbol '**King**' diletakkan pada atas dokumen di Rajah 3 yang dikeluarkan oleh syarikat Shoes Store Sdn.Bhd. dan simbol '**J**' bagi menentukan ia adalah urusniaga **Jualan**.

Asal	JENIS DOKUMEN																							
	INVOIS																							
 LAND FURNITURE INDAH SDN BHD NO.3, JALAN KAMBING 20100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU <u>TEL: 09-56789000 FAX: 09-56785000</u>																								
INVOIS																								
Kepada:  B Shoes Store Sdn Bhd No.6, Jalan Sultan Omar 21300 Kuala Nerus, Terengganu.	INV1233 15.08.2022																							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>UNIT</th> <th>BUTIRAN</th> <th>HARGA</th> <th>JUMLAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>20</td> <td>RAK KAYU-A2130</td> <td>350.00</td> <td>7,000.00</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>10</td> <td>RAK KAYU 4 LAYER-C1234</td> <td>500.00</td> <td>5,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">JUMLAH</td><td>12,000.00</td></tr> </tbody> </table>				BIL	UNIT	BUTIRAN	HARGA	JUMLAH	1	20	RAK KAYU-A2130	350.00	7,000.00	2	10	RAK KAYU 4 LAYER-C1234	500.00	5,000.00	JUMLAH				12,000.00	
BIL	UNIT	BUTIRAN	HARGA	JUMLAH																				
1	20	RAK KAYU-A2130	350.00	7,000.00																				
2	10	RAK KAYU 4 LAYER-C1234	500.00	5,000.00																				
JUMLAH				12,000.00																				
<i>Ringgit Malaysia :Dua Belas Ribu Sahaja</i> Iris Pelanggan					faris Penjual																			
					B																			
					PIHAK YANG TERLIBAT : PEMIUTANG LAIN																			

Rajah 4. Dokumen invois belian

- d) Meletakkan simbol '**King**' dan **B** apabila syarikat berada di bawah yang menunjukkan ia adalah **urusniaga belian**.
- e) Setiap dokumen perniagaan yang dihasilkan akan dilengkapi dengan nota yang diperlukan seperti nama dokumen, jenis uruniaga, dan pihak yang terlibat di bahagian tepi dokumen.
- f) Menggabungkan rajah dokumen dan nota penerangan di dalam helaian yang sama bagi mencapai objektif pelajar didedahkan dengan maklumat yang ringkas bagi setiap dokumen perniagaan.

ANALISIS DATA

Pensyarah telah menyediakan satu set Ujian Pra dan diberikan kepada kumpulan sasaran awal kajian untuk mengesan sejauh mana kefahaman mereka terhadap kemahiran mengenalpasti 16 dokumen sumber perniagaan. Item dalam Ujian Pra terdiri daripada pelbagai dokumen sumber perniagaan dan pelajar perlu memastikan jenis urusniaga yang terlibat samada urusniaga jualan atau belian.

Seterusnya pelajar diuji melalui Ujian Pasca. Pencapaian pelajar dianalisis untuk mengesan keberkesanan konsep '**The King**' selepas ia diaplikasi oleh pensyarah.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan data Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi menguji pencapaian pelajar. Hasil daripada ujian yang telah diberikan, terdapat perubahan sebelum dan selepas proses PdP. Ini menunjukkan terdapat peningkatan markah selepas proses PdP berlangsung. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelajar faham dan telah mencapai objektif yang telah dirancang dan ditetapkan.

Jadual 1. Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca

Bil	Nama pelajar	Ujian Pra	Ujian Pasca 1
1	Haran A/L Suresh Kumar	72	78
2	Illya Aqma Binti Mustaffa	67	89
3	Muhammad Ihtisyam Bin Ismail	61	100
4	Nor Aina Batrisya Binti Rohizan	44	89
5	Nur Adriana Kamilia Binti Azrul Nizam	11	89
6	Nur Ainaa Batrisya Binti Musliyadi	28	89
7	Nur Ramadhani Aleya Binti Razali	56	78
8	Nurul Atikah Binti Zulkarnain	17	83
9	Sophia Jasmin Binti Abdul Razak	89	89
10	Sutharshan A/L Paramasivam	33	100

Jadual 2. Data bagi Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Skor	Kompeten Cemerlang	Kompeten baik	Kompeten	Belum Kompeten	Jumlah pelajar
Ujian Pra	0	1	3	6	10
Ujian Pasca	2	6	2	0	10

Ujian Pra

Hasil dapatkan ujian pra yang telah dijalankan menunjukkan enam orang pelajar tidak kompeten dan mendapat markah yang rendah.

Ujian Pasca

Pelajar telah didedahkan dengan kaedah '**The King**' sebelum ujian dijalankan. Ujian pasca dijalankan dengan menggunakan dokumen perniagaan syarikat. Pada tahap ini, pelajar tidak dibenarkan merujuk BBM. Pelajar dikehendaki mengaplikasi kaedah '**The King**' dengan membuat label **J** atau **B** di atas dokumen perniagaan bagi menentukan urusniaga

jualan atau belian. Hasil dapatan menunjukkan seramai dua pelajar mendapat kompeten cemerlang, enam pelajar mendapat kompeten baik dan dua orang mendapat kompeten.

KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

Semasa aktiviti dijalankan, didapati pelajar sasaran menunjukkan minat serta tindak balas yang baik terhadap aktiviti yang dirancang. Pelajar memberi respon yang positif semasa sesi yang dijalankan. Hasil daripada pelaksanaan menggunakan kaedah ‘**The King**’ yang diperkenalkan oleh pensyarah, pelajar dapat mengenalpasti dan menbezakan dokumen jualan dan belian dengan mudah. Selain itu, penggunaan BBM yang menggunakan kalender dokumen ini mudah disimpan dan dijadikan panduan dalam mengulang kaji pelajaran. Walau bagaimanapun terdapat satu masalah lain yang dikenalpasti iaitu pelajar lemah dalam menentukan pihak yang terlibat dalam urusniaga sama ada penghutang atau pemutang. Bagi mengatasi masalah ini, kajian lanjutan akan dirancang untuk dilaksanakan. Kajian ini memberi fokus kepada penyediaan catatan jurnal am bagi urusniaga jualan dan urusniaga belian.

RUJUKAN

- Lim Wan Leng, Morni Hayati Jaafar. (2021). *Financial Accounting*. SJ Learning.
- Tim Ken Kiat, Iswani Hj. Mohd Sanip. (2016) *Prinsip Perakaunan Tingkatan 4*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Loh Boon Foo. (2020). *Prinsip Perakaunan*. Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Razali Abd Karim. (n.d). *Asas Merekod dan Menyelenggara Dokumen Transaksi Kewangan Harian*. Malaysia
- Zan ‘Asri Tasir & Tan Siew Lian. (n.d). *Prinsip Perakaunan Tingkatan 4&5*. Sasbadi Sdn.Bhd.




e-proceedings

International Teaching Aid
Competition 2023

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times

iTAC 2023

e ISBN 978-967-2948-51-3



9 789672 948513